



Pemberian Ubat *Pre-Exposure Prophylaxis* (PrEP) Kepada Golongan LGBT: Analisis Dari Perspektif Syariah

Fiqh
Perubatan
Kontemporari

Administration of Pre-Exposure Prophylaxis (PrEP) Drugs to LGBT Groups: An Analysis from the Shariah Perspective

103

NURUL AIN HAZRAM
(Corresponding author)
MASHITAH ABDUL MUTALIB
NUR AL-FARHAIN KAMARUZAMAN
NUR AINA ABDULAH

Fakulti Syariah dan Undang-Undang,
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia
ainhazram@usim.edu.my
mashitahmutalib@usim.edu.my
farhain@usim.edu.my
nuraina.abdulah@usim.edu.my

Submitted: 21 September 2023
Revised: 23 October 2023
Accepted: 25 October 2023
E-Published: 31 October 2023

ABSTRAK

Pre-Exposure Prophylaxis (PrEP) adalah sejenis ubat yang digunakan untuk mereka yang berisiko menerima jangkitan virus 'Human Immunodeficiency Virus' (HIV), yang dikenali sebagai penyakit 'Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit' (AIDS). Melalui ujian klinikal yang telah dijalankan, penggunaan PrEP telah terbukti dapat mengurangkan risiko jangkitan HIV/ AIDS. Pada penghujung tahun 2022, Menteri Kesihatan pada waktu itu telah mengumumkan akan menjalankan satu projek rintis penggunaan ubat PrEP di beberapa hospital kerajaan untuk menguji keberkesannya sebelum ubat tersebut diperakukan oleh Kementerian Kesihatan untuk kegunaan awam. Kenyataan tersebut telah mencetuskan kontroversi di kalangan ulama, ahli akademik, ahli politik dan juga masyarakat kerana dirasakan akan memberi manfaat kepada golongan homoseksual, biseksual dan *transgender* (LGBT) dan akan menyebabkan berleluasanya maksiat dan membawa kepada mafsadah yang lebih besar. Tidak dapat dinafikan bahawa PrEP dapat mencegah penyakit berjangkit, namun begitu, sekiranya ubat ini diberikan kepada golongan LGBT, dikhawatiri akan menyebabkan golongan ini semakin berleluasa sekali gus mendatangkan mafsadah yang lebih besar. Oleh itu, artikel ini akan menganalisis isu pemberian ubat PrEP kepada golongan LGBT dari perspektif Syariah. Untuk mencapai objektif ini, kajian ini menggunakan pendekatan analisis deskriptif dan induktif. Kajian ini menyimpulkan bahawa hukum pemberian ubat PrEP kepada golongan LGBT perlu diperhalusi mengikut kategori. Bagi kategori pertama; mereka yang terlibat secara aktif di dalam industri seks sebagai pekerja seks, pemberian ubat PrEP adalah haram dan





mempunyai larangan yang jelas di dalam syarak. Manakala, bagi kategori kedua; golongan LGBT yang tidak terlibat dalam industri seks, pemberian ubat PrEP hendaklah diteliti dan dilakukan kajian lanjutan dan mendalam oleh pihak yang berautoriti dengan mengambilkira mafsadah yang lebih ringan dan menolak mafsadah yang lebih berat. Kerajaan juga haruslah memaikan peranan yang lebih serius dalam menangani golongan LGBT di Malaysia.

Kata Kunci: PrEP, HIV/ AIDS, LGBT, Masalah, Mafsadah.

ABSTRACT

Pre-Exposure Prophylaxis (PrEP) is a drug used for those at risk of 'Human Immunodeficiency Virus' (HIV) infection, known as 'Acquired Immuno Deficiency Syndrome' (AIDS). Through the clinical trials that have been carried out, the use of PrEP has been shown to reduce the risk of HIV/AIDS infection. At the end of 2022, the Minister of Health announced that a pilot project on the use of PrEP drugs in several government hospitals will be held to test their effectiveness before the drug is certified by the Ministry of Health for public use. The statement sparked controversy among scholars, academicians, politicians, and the community as it is expected to cause more harm by benefiting the community of lesbian, gay, bisexual, and transgender (LGBT) that causes the spread of AIDS. It is proven that PrEP can prevent infectious diseases; however, if this drug is given to LGBT people, it is feared that they will feel safe to continue doing immoral acts, thus resulting in greater mafsadah. Therefore, this article will analyse the administration of this drug to LGBT people from the perspective of Shariah. To achieve this objective, the study used descriptive and inductive analysis approaches. This study concluded that the administration of PrEP to LGBT people needs to be refined according to categories and circumstances. For the first category, giving PrEP to those who are actively involved in the sex industry as sex workers is haram and has a clear prohibition in syarak. For the second category, the giving of PrEP to LGBT people who are not involved in the sex industry should be scrutinised and further in-depth studies carried out by the authorities taking into account the greater harm in society. However, the government should play an important role in dealing with LGBT people in Malaysia.

Keywords: PrEP, HIV/ AIDS, LGBT, Masalah, Mafsadah

PENGENALAN

AIDS merupakan penyakit yang berlaku secara global dan juga di Malaysia. Hakikatnya penyakit ini telah menjejaskan kebanyakan manusia di seluruh dunia. AIDS merupakan penyakit berjangkit yang disebabkan oleh virus yang dikenali sebagai 'Human Immunodeficiency Virus' yang menjangkiti dan memusnahkan sel CD4 manusia, yang menyebabkan sistem ketahanan badan seseorang individu itu musnah dan boleh menyebabkan penyakit AIDS. AIDS adalah singkatan bagi 'Acquired Immunodeficiency Syndrome' yang membawa maksud bagi 'sindrom kurang daya tahan melawan penyakit' dan merupakan fasa terakhir akibat jangkitan HIV.



Penyakit ini boleh dijangkiti melalui cecair badan seperti, darah, air mani, cecair faraj dan susu ibu. Oleh itu, mereka yang terdedah dengan jangkitan HIV adalah mereka yang melakukan hubungan seks bersama individu yang telah dijangkiti, sama ada melalui faraj ataupun dubur dan juga disebabkan oleh perkongsian jarum atau alat suntikan terutamanya penagih dadah (MAC, t.th). Kajian menunjukkan bahawa, dalam tempoh masa sepuluh tahun kebelakangan ini, punca utama jangkitan HIV adalah disebabkan oleh hubungan seksual, terutamanya amalan seks songsang dan rambang. (Global AIDS Monitoring Report, 2022). Oleh itu, tidak keterlaluan sekiranya dikatakan bahawa AIDS berasal daripada perlakuan tidak bermoral yang dilarang oleh Allah, terutamanya persetubuhan antara lelaki dan lelaki yang telah dinyatakan keburukan dan pengharamannya di dalam Quran dalam surah al-'Ankabūt yang bermaksud:

*Dan (ingatkanlah peristiwa) Nabi Lut tatkala ia berkata kepada kaumnya:
"Sesungguhnya kamu melakukan perbuatan yang keji, yang tidak pernah
dilakukan oleh seorangpun dari penduduk dalam ini sebelum kamu".*

(Al-Ankabut, 29:28)

Namun terdapat juga kes di mana jangkitan ini berlaku disebabkan oleh pemindahan darah atau organ yang dijangkiti virus HIV dan juga melalui penyusuan susu ibu yang didapati positif HIV (WHO, 2020). Berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menunjukkan bahawa pada akhir tahun 2019, mereka yang dijangkiti HIV adalah seramai 38 juta orang termasuklah 1.7 juta kes jangkitan baru dan 690,000 kematian disebabkan oleh penyakit ini (WHO, 2020). Malaysia pula dianggarkan mempunyai kira-kira 87,000 individu yang menghidap penyakit HIV pada tahun 2019. (UNAIDS, 2020).

Seiring dengan peredaran zaman, terdapat pelbagai kemajuan dan teknologi yang digunakan dalam rawatan dan pencegahan penyakit berjangkit. Namun begitu, penyakit AIDS masih menjadi kebimbangan dan menimbulkan cabaran terhadap masyarakat dan negara. Oleh itu, dalam usaha menangani jangkitan HIV, terutamanya mereka yang tinggal bersama pesakit HIV, *Center for Disease Control and Prevention* (CDC) mencadangkan langkah pencegahan dengan menggunakan kondom ketika melakukan hubungan seksual dan juga pengambilan ubat *Pre-Exposure Prophylaxis* (PrEP). (CDC, 2020).

Dalam usaha menangani masalah ini, kerajaan Malaysia juga telah mengambil beberapa langkah pencegahan termasuklah Pelan Strategik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang membincangkan mengenai strategi untuk menamatkan AIDS pada tahun 2030. Pelan ini bertujuan untuk mengurangkan jumlah jangkitan baru virus HIV, meningkatkan akses kepada ujian dan rawatan, dan menghapuskan stigma dan diskriminasi terhadap orang yang menghidap penyakit HIV/AIDS. (KKM, 2021). Pada tahun 2015, kerajaan Malaysia telah meluluskan penyediaan ubat pencegahan jangkitan HIV iaitu *Pre-exposure prophylaxis* (PrEP) di beberapa buah hospital kerajaan dan klinik swasta. Namun begitu, penggunaan ubat ini di Malaysia agak rendah kerana terdapat beberapa halangan termasuklah kekurangan maklumat mengenai



ubat ini dikalangan rakyat terutamanya mereka yang menghidapi HIV/AIDS (Azwa et al, 2018).

Pada akhir tahun 2022, Menteri Kesihatan Malaysia pada ketika itu, Dr. Zaliha Mustafa, mengeluarkan kenyataan untuk melaksanakan projek rintis berkenaan penggunaan ubat PrEP di beberapa hospital. Projek ini bertujuan untuk menilai keberkesannya dalam menangani penularan virus HIV sebelum ubat tersebut diperakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan ianya dapat diakses oleh rakyat. Kenyataan yang telah dikeluarkan mendapat pelbagai reaksi daripada pelbagai pihak. Kebanyakan mereka termasuklah golongan ilmuwan dan intelektual, ahli politik dan masyarakat mempersoalkan mengenai cadangan yang dirasakan akan memberi manfaat kepada golongan lesbian, gay, *bisexual* dan *transgender* (LGBT) yang dikhuatiri akan berkembang pesat disebabkan oleh cadangan ini.

Ubat PrEP merupakan sejenis ubat yang berfungsi untuk mencegah penyakit berjangkit khususnya penyakit HIV. Di antara faktor berlakunya penularan virus HIV adalah disebabkan oleh maksiat dan hubungan sejenis yang kebanyakannya dilakukan oleh golongan ini. Namun begitu, dalam konteks pemberian ubat PrEP kepada golongan LGBT sebagai usaha mencegah jangkitan HIV, satu analisis perlu dijalankan sama ada projek ini harus dihalang dengan mengambil pendekatan *sadd al-dharī'ah* kerana dikhuatiri golongan ini semakin giat melakukan hubungan sejenis disebabkan kewujudan ubat yang mampu mencegah jangkitan HIV.

Artikel ini akan menjawab beberapa persoalan, antaranya ialah, (i) apakah hukum pemberian ubat PrEP kepada kepada golongan LGBT sebagai usaha mencegah jangkitan HIV dan (ii) adakah pemberian ubat PrEP ini akan menyebabkan berleluasanya perlakuan maksiat oleh golongan LGBT? Penulisan ini akan memfokuskan perbincangan kepada, (i) hukum pemberian ubat PrEP kepada golongan LGBT dan kesesuaian pengaplikasian *sadd al-dharī'ah*, (ii) analisis pertembungan mafsadah dalam permasalahan pemberian ubat PrEP kepada golongan LGBT, dan (iii) peranan kerajaan dalam menangani golongan LGBT di Malaysia.

SOROTAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian yang berkaitan dengan ubat *Pre-exposure Prophylaxis*, terutamanya yang berkaitan dengan keberkesannya dalam mencegah penularan virus HIV. Dalam satu kajian yang dijalankan terhadap golongan lelaki yang mengamalkan hubungan seksual sejenis, pengambilan ubat ini secara oral setiap hari dapat mengurangkan risiko jangkitan virus HIV sebanyak 44% (Grant et al, 2010). Dalam satu ujian klinikal yang dijalankan terhadap lelaki dan perempuan yang mempunyai pasangan menghidapi HIV dan juga mereka yang mengambil suntikan dadah melalui jarum, mendapati bahawa PrEP dapat mengurangkan risiko jangkitan HIV. (Baeten et al., 2012, Choopanya et al., 2013).



Dalam satu ujian klinikal meta-analisis yang melibatkan lebih 15, 000 peserta yang berisiko dijangkiti HIV mendapati bahawa penggunaan PrEP dapat mengurangkan sebanyak 51% risiko jangkitan HIV (Baeten et al., 2012b). Dalam satu ujian klinikal yang dijalankan terhadap pasangan lelaki yang melakukan hubungan seksual sejenis mendapati bahawa pengambilan PrEP dapat mengurangkan jangkitan HIV sebanyak 86%. (Grant et al., 2010).

Selain daripada terbukti berkesan dalam mencegah jangkitan virus HIV, PrEP juga selamat untuk digunakan. Dalam satu kajian berkaitan dengan pengambilan PrEP selama 14 bulan secara purata yang dijalankan terhadap 658 lelaki yang melakukan hubungan seksual sejenis mendapati bahawa tiada kesan sampingan yang membahayakan disebabkan oleh pengambilan ubat tersebut secara berterusan (Liu et al., 2016). PrEP juga didapati tidak mendatangkan kesan sampingan terhadap organ badan seperti buah pinggang berdasarkan kepada ujian yang telah dijalankan ke atas 1603 orang peserta (Mugwayna et al., 2016).

Kajian juga menunjukkan bahawa golongan LGBT adalah antara golongan yang mendapat jangkitan HIV tertinggi (CDC, t.th). Begitu juga di Amerika Syarikat, golongan LGBT menyumbang sebanyak 69% daripada semua diagnosis HIV baharu pada tahun 2018. Malaysia juga tidak terlepas daripada fenomena yang membimbangkan. Sebanyak 90% jangkitan HIV adalah berpunca daripada golongan lelaki, dan 57% daripadanya adalah mereka yang mengamalkan hubungan seksual sesama jenis (Harian Metro, 2022). Selain itu, hubungan seksual lelaki bersama lelaki terbahagi kepada dua jenis, iaitu insertif dan repetatif, yang mana cara repetatif adalah berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan HIV disebabkan oleh dinding anus yang menipis memudahkan jangkitan HIV (Harian Metro, 2022).

Berdasarkan kepada kajian-kajian lepas yang dinyatakan di atas, jelas menunjukkan bahawa PrEP berkesan dalam menangani risiko jangkitan HIV dan selamat untuk diambil dalam tempoh masa tertentu. Tidak dapat dinafikan juga, bahawa antara faktor penularan virus HIV adalah disebabkan oleh golongan LGBT terutamanya mereka yang melakukan hubungan seksual sejenis (Global AIDS Monitoring Report, 2021). Oleh itu, perbincangan hukum pemberian ubat PrEP kepada golongan LGBT melalui pengaplikasian *sadd al-dharī'ah* adalah perlu untuk mengukur adakah ianya perlu dihalang ataupun tidak. Sekiranya didapati bahawa pemberian ubat ini kepada golongan LGBT akan menyebabkan perkara yang haram, maka dengan menggunakan konsep *sadd al-dharī'ah*, perkara ini seharusnya dihalang. Perbincangan permasalahan ini seterusnya akan dilakukan dari sudut analisis pertembungan mafsadah dalam permasalahan pemberian ubat PrEP kepada golongan LGBT.

HUKUM PEMBERIAN UBAT PREP KEPADA GOLONGAN LGBT DAN KESESUAIAN PENGAPLIKASIAN SADD AL-DHARĪ'AH

Para fuqaha membahagikan haram kepada dua bahagian, iaitu *ḥarām li dhātih* dan *ḥarām li ghayrih*. *Ḥarām li dhātih* adalah sesuatu yang pada asalnya diharamkan oleh



syarak, manakala *ḥarām li ghayrih* adalah perkara yang pada asalnya tidak dilarang, namun terdapat faktor luaran yang menjadikannya haram. (al- Mardāwiy, 2000). Pengambilan PrEP secara asasnya adalah perkara yang harus, kerana ianya mampu mencegah penyakit berjangkit. Namun begitu, apabila terdapat cadangan untuk memberi ubat ini kepada golongan LGBT yang jelas melakukan perkara yang diharamkan Allah, maka terdapat sebahagian yang berpandangan untuk mengaplikasikan konsep *sadd al-dharī'ah* dengan menghalang pemberian ubat tersebut kepada golongan LGBT.

Sadd al-dharī'ah adalah larangan terhadap perkara yang pada asalnya harus, tetapi kuat sangkaan bahawa ianya akan sampai kepada perkara yang dilarang. Walaupun ulama usul berselisih pendapat mengenai pemakaian *sadd al-dharī'ah* sebagai hujah, namun kebanyakan fuqaha daripada empat mazhab terutamanya Mazhab Maliki berhujah dengannya, malah sebahagian fuqaha menganggap bahawa *sadd al-dharī'ah* adalah antara keunikan Mazhab Maliki (al-Burhāniy, 1995).

Walaupun Mazhab Hanafi tidak menjadikan *sadd al-dharī'ah* sebagai pegangan mereka, namun sekiranya diteliti kebanyakan pandangan fuqaha mereka, didapati bahawa kebanyakannya beramal dengan prinsip *sadd al-dharī'ah*. Sebagai contoh, dalam isu memegang, mencium dan memeluk orang yang sedang beriktikaf, Mazhab Hanafi berpandangan bahawa perbuatan tersebut adalah haram, kerana ianya boleh membawa kepada persetubuhan yang dilarang seperti yang terdapat di dalam surah Al-Baqarah, ayat 187 yang bermaksud:

Dan janganlah kamu setubuhi isteri-isteri kamu ketika kamu sedang beriktikaf di masjid. Itulah batas-batas larangan Allah, maka janganlah kamu menghampirinya. Demikian Allah menerangkan ayat-ayat hukumNya kepada sekalian manusia supaya mereka bertaqwa.

(Al- Baqarah, 2:187)

Ayat ini menyatakan larangan persetubuhan suami isteri di dalam masjid. Pada asalnya, hukum memegang, mencium dan berpelukan sesama pasangan suami isteri adalah harus. Namun, apabila ianya dilakukan di dalam masjid dan berkemungkinan membawa kepada perkara yang diharamkan, maka perbuatan tersebut yang dilakukan di dalam masjid adalah dilarang (al-Burhāniy, 1995).

Bagi Mazhab Syafie, mereka menolak *sadd al-dharī'ah* sebagai sumber pensyariatian hukum, namun begitu pengaplikasian *sadd al-dharī'ah* oleh fuqaha mazhab Syafie dapat dilihat ketika mereka menyelesaikan masalah-masalah fiqh yang timbul. Mazhab Syafie menerima *maṣāliḥ mursalah* kerana melihat masalah yang boleh diperolehi daripadanya. Hakikatnya, *maṣlahah* juga boleh diperolehi apabila sesuatu kemudahan itu ditolak dengan menggunakan konsep *sadd al-dharī'ah*. Al-Zinjani berkata bahawa Al-Shafi'i mengambil *maṣāliḥ mursalah* dengan bersandarkan kepada syarak secara keseluruhan, dan tidak bersandarkan kepada perkara tertentu, maka perkara tersebut dibolehkan (al-Burhāniy, 1995).



Oleh itu, dengan mengambil pendekatan yang sama, maka seharusnya dibolehkan untuk beramal dengan *sadd al-dharī'ah*. Sebagai contoh, dalam permasalahan solat berjemaah di masjid yang telah selesai melaksanakan solat jemaah. Adakah dibolehkan seseorang itu untuk melakukan solat jemaah dengan melantik imam kedua selepas solat secara berjemaah dengan imam pertama telah selesai? Maka, Mazhab Syafi'e berpegang kepada makruh hukumnya mengadakan jemaah solat yang kedua kerana dibimbangi akan menyebabkan perpecahan di dalam masyarakat. (al-Burhāniy, 1995).

Maka, *sadd al-dharī'ah* hakikatnya diiktiraf oleh syarak. Walaupun kebanyakan fuqaha tidak bersepakat dalam menjadikannya sebagai sumber pensyariatatan, namun fuqaha bersetuju dengan kaedah 'apa yang membawa kepada haram, maka ianya adalah haram'. (Ibn 'Abd al-Salam, 1995). Konsep *sadd al-dharī'ah* juga dapat dilihat di dalam surah Al-An'am yang bermaksud:

Dan janganlah kamu cerca benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, kerana mereka kelak, akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan". Melalui ayat ini dapat difahami bahawa Allah melarang cercaan terhadap sembah kaum lain, untuk mengelakkan daripada mereka mencerca Allah S.W.T.

(Al-An'am, 6:108)

Berdasarkan kepada penjelasan sebelum ini, jelas menunjukkan bahawa *sadd al-dharī'ah* diterima disisi fuqaha. Namun begitu, dalam mengaplikasikan konsep ini, seseorang itu tidak boleh sewenang-wenangnya mengharamkan sesuatu yang harus dengan alasan ingin menutup jalan yang dirasakan akan membawa kepada kemudharatan yang lebih besar (*sadd al-dharī'ah*) tanpa membuat penelitian sebaik mungkin. *Sadd al-dharī'ah* terdiri daripada dua rukun asas, iaitu jalan (*wasīlah*) dan juga perbuatan yang dilarang (*al-mutawassal ilayh*) (al-Burhaniy, 1985). Sekiranya rukun-rukun ini tidak dipenuhi syarat-syaratnya, maka sesuatu perkara yang dirasakan membawa kepada perkara haram, pada hakikatnya tidak boleh dihalang atau dihukumkan dengan haram. Sebahagian fuqaha juga meletakkan rukun ketiga dalam *sadd al-dharī'ah*, iaitu *al-ifda'* yang membawa maksud sangkaan kuat bahawa perkara tersebut akan membawa kepada perkara yang diharamkan. Sangkaan yang kuat akan menjadi penghubung antara *wasīlah* dan juga *mutawassal ilayh*.

Rukun pertama *sadd al-dharī'ah*, ialah jalan (*wasīlah*), iaitu sesuatu yang disekat oleh syarak yang terdiri daripada perbuatan yang membawa kepada perkara yang diharamkan. Sebagai contoh, pengharaman penanaman anggur untuk menghalang pembuatan arak. Penanaman anggur pada asalnya perkara yang dibenarkan oleh syarak, kerana ianya adalah makanan yang halal untuk dinikmati oleh manusia secara umumnya. Oleh itu, tidak wajar mengharamkan penanaman anggur hanya disebabkan terdapat sebahagian individu yang memanfaatkannya untuk dijadikan arak. Hakikat pengharaman penanaman anggur bukanlah semata-mata kerana perbuatan tersebut, tetapi bersamanya terdapat sangkaan yang kuat bahawa



penanaman anggur tersebut akan dimanfaatkan untuk pembuatan arak. Oleh itu, diharamkan penanaman anggur tersebut.

Dalam situasi pemberian ubat PrEP kepada masyarakat secara umum, asas pemberian ini adalah harus kerana ianya mendatangkan manfaat kepada mereka yang memerlukan. Namun begitu, isu yang timbul adalah apabila terdapat cadangan untuk memberikan ubat pencegah ini khusus kepada golongan LGBT. Statistik menunjukkan bahawa sebanyak 80% golongan mak nyah di Malaysia adalah mereka yang terlibat dalam industri seks (Noremy et al, 2019). Mak nyah merupakan satu panggilan yang sinonim kepada golongan transgender yang turut dipanggil sebagai 'male femaling', 'male efiminet', 'bapok', 'male transexual' dan juga 'pondan' (Amran et al, 2013). Selain itu, rekod golongan transgender turut dikatakan meningkat iaitu sebanyak 30 000 individu pada tahun 2018 berbanding sebanyak 10 000 individu pada tahun 1988 (Audrey, 2019). Statistik yang dikeluarkan oleh KKM juga menunjukkan bahawa kebanyakan kes jangkitan HIV pada 10 tahun kebelakangan ini adalah disebabkan oleh seks songsang yang diamalkan oleh golongan LGBT (KKM, 2021). Oleh itu, terdapat sangkaan yang kuat bahawa pemberian ubat ini secara percuma kepada golongan LGBT oleh kerajaan akan menyebabkan berleluasanya perbuatan maksiat oleh mereka.

Berbalik kepada rukun pertama *sadd al-dhari'ah*, iaitu perkara yang pada asalnya adalah harus (*wasilah*), perkara tersebut mestilah disertai dengan sangkaan yang kuat (*al-ifda'*) bahawa ianya akan membawa kepada perkara yang diharamkan. Dalam isu pemberian PrEP kepada golongan LGBT, terutamanya mereka yang terlibat dalam industri seks, terdapat sangkaan yang kuat bahawa pemberian ubat ini akan menyebabkan berleluasanya maksiat yang dilakukan oleh golongan tersebut.

Rukun kedua *sadd al-dhari'ah* pula ialah, perkara yang dilarang (*al-mutawassal ilayh*). Seperti contoh, pengharaman penanaman anggur kerana khuatir anggur tersebut dimanfaatkan untuk pembuatan arak. Perkara yang dilarang adalah pembuatan arak, oleh itu perbuatan menanam anggur dengan tujuan untuk membuat arak turut dilarang. Dalam isu pemberian PrEP kepada golongan LGBT, terutamanya mereka yang terlibat secara aktif sebagai pekerja seks, perkara yang diharamkan adalah perbuatan maksiat seperti melakukan hubungan seksual sesama jenis. Disebabkan terdapat sangkaan yang kuat bahawa ubat ini akan dimanfaatkan oleh golongan LGBT terutamanya mereka yang terlibat aktif dalam industri seks dan akan menyebabkan berleluasanya maksiat, maka pemberian ubat PrEP kepada golongan LGBT adalah haram kerana ianya akan membawa kepada perkara yang diharamkan dan mafsadah yang lebih besar. Oleh itu, kaedah *sadd al-dhari'ah* boleh diaplikasikan dalam situasi ini.

ANALISIS PERTEMBUNGAN MAFSADAH DALAM PERMASALAHAN PEMBERIAN UBAT PRE-EXPOSURE PROPHYLAXIS (PREP) KEPADA GOLONGAN LGBT

Hakikatnya, ubat *Pre-exposure Prophylaxis* adalah sejenis ubat yang digunakan untuk mencegah penyakit berjangkit, dan ubat tersebut bukanlah bertujuan untuk



menggalakkan perbuatan seks bebas mahupun seks songsang oleh golongan tertentu. Namun tidak dapat dinafikan bahawa ubat ini akan menyebabkan golongan tertentu berasa selamat untuk meneruskan perbuatan tersebut, kerana kewujudannya dapat mencegah jangkitan HIV. Ini adalah berdasarkan kepada satu kajian yang dijalankan ke atas individu *gay* dan juga *biseksual*, didapati bahawa mereka berminat untuk mengambil ubat tersebut sebagai langkah pencegahan. (Pinto et al., 2018).

Di dalam kelompok LGBT, umum mengetahui mereka terdiri daripada golongan *lesbian*, *gay*, *biseksual* dan juga *transgender*. Berbanding golongan *transgender* yang boleh dikenalpasti dengan hanya melihat kepada fizikal mereka, golongan *gay* dan *lesbian* adalah antara golongan yang sukar dikenalpasti di dalam masyarakat. Kebanyakan golongan *gay* dan *lesbian* tidak membuat perubahan fizikal mereka, tetapi mempunyai kecenderungan yang kuat kepada jantina sejenis. Menurut *Center for Disease Control and Prevention (CDC)*, golongan *gay*, *biseksual* dan juga lelaki yang mengadakan hubungan seksual bersama lelaki adalah antara mereka yang dijangkiti HIV (CDC, t.th). Kebanyakan wanita juga dilaporkan mendapat jangkitan HIV daripada pasangan lelaki mereka yang mengadakan hubungan seks sejenis diluar pengetahuan wanita tersebut (CDC, t.th). Ini kerana golongan *gay* dan mereka yang melakukan hubungan sejenis tidak dapat dikenalpasti di dalam masyarakat melalui penampilan luaran, berbeza dengan golongan *transgender*.

Populasi *gay* dilaporkan semakin meningkat dengan rekod seramai 310 000 individu pada tahun 2018 berbanding seramai 173 000 individu pada tahun 2013 yang menunjukkan peningkatan yang berlaku adalah sebanyak 100% (Mohd Ali, 2018). Mereka yang telah terlibat dengan golongan *gay* dan *bisexual* umpama menghadapi ketagihan yang sukar ditinggalkan walaupun telah beristeri (Norhawaney, 2019). Golongan inilah yang berpotensi terdedah kepada jangkitan HIV dan seterusnya berpotensi untuk menyebarkan jangkitan tersebut kepada ahli keluarga seperti isteri dan anak.

Berdasarkan satu kajian yang telah dijalankan, antara faktor wanita mendapat jangkitan HIV adalah disebabkan oleh orientasi seksual bersama suami ataupun pasangan mereka sendiri yang terlibat dengan kegiatan berisiko seperti hubungan seksual secara songsang atau rambang diluar pengetahuan mereka (Muda et al., 2021).

Berdasarkan kepada situasi yang dinyatakan di atas, pemberian ubat PrEP kepada mereka yang tergolong dalam golongan LGBT khususnya mereka yang mempunyai kecenderungan terhadap jantina sejenis secara tidak langsung mampu mencegah jangkitan HIV terhadap mereka yang tidak bersalah seperti wanita yang tidak tahu bahawa mereka telah terlibat dalam perhubungan bersama individu *gay*. Kajian juga menunjukkan bahawa janin di dalam kandungan, dan juga kanak-kanak yang menyusu daripada ibunya yang menghidapi penyakit HIV positif juga berisiko tinggi untuk menghidap penyakit tersebut (WHO, 2020).



Selain itu, ubat PrEP adalah seperti ubat yang lain dalam peranannya untuk merawat dan mencegah penyakit. Dari perspektif *siyāsah shar'iyah*, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memastikan rakyat yang berada di bawah pemerintahannya berada dalam keadaan kesihatan yang baik. Dalam situasi ini, usaha pihak kerajaan hakikatnya adalah bertujuan untuk membendung masalah penularan jangkitan HIV di dalam masyarakat, sekaligus bertujuan untuk memastikan masyarakat mencapai tahap kesihatan yang baik. Usaha ini tidak bermakna bahawa kerajaan mengabaikan tanggungjawab mereka dalam menangani masalah sosial yang diakibatkan oleh golongan LGBT. Dalam satu kajian yang telah dijalankan oleh *Centre Of Excellence For Research In AIDS (CERiA)* menunjukkan bahawa penggunaan PrEP dalam usaha mencegah transmisi HIV telah menjimatkan sebanyak RM 47 juta kos untuk merawat penyakit HIV sepanjang tahun 2006 sehingga 2013 (Sinar Harian, 2 Mac 2023).

Apabila diteliti, terdapat dua pertembungan mafsadah dalam permasalahan pemberian ubat PrEP kepada golongan LGBT. Pertama, pemberian PrEP kepada golongan LGBT akan menghalang penularan jangkitan HIV dalam masyarakat, tetapi akan mengakibatkan berleluasanya maksiat oleh golongan ini. Kedua, mengharamkan pemberian PrEP kepada golongan LGBT bertujuan untuk menghalang berleluasanya perbuatan maksiat oleh golongan ini, tetapi akan menyebabkan penularan jangkitan HIV di dalam masyarakat.

Dalam situasi pertembungan antara dua mafsadah yang tak dapat ditolak keduanya, maka hendaklah menolak mafsadah yang lebih besar dengan memilih mafsadah yang lebih ringan. Hal ini bertepatan dengan kaedah *fiqh "irtikāb akhaff al-dararayn"* iaitu mengutamakan mafsadah yang lebih ringan dengan menolak mafsadah yang lebih besar (Ibn Nujaym, 1999).

Berdasarkan kepada situasi pertama, iaitu pemberian PrEP kepada golongan LGBT, terdapat dua keadaan yang harus diperhalusi oleh pihak kerajaan. Pertama, pemberian ubat PrEP kepada golongan yang diyakini akan memanfaatkan ubat ini dan menyebabkan berleluasanya maksiat, seperti mereka yang terlibat dalam industri seks secara aktif sebagai pekerja seks, contohnya golongan mak nyah. Untuk situasi pemberian PrEP bagi golongan ini, konsep *sadd al-dharī'ah* boleh diaplikasikan, iaitu mengharamkan pemberian ubat ini kerana diyakini akan mendatangkan mafsadah yang lebih besar.

Namun begitu, dalam keadaan di mana mereka yang dikenal pasti sebagai tergolong dalam golongan LGBT tetapi tidak terlibat secara aktif sebagai pekerja seks, situasi ini harus diteliti semula oleh pihak kerajaan dengan kerjasama jawatankuasa fatwa di Malaysia kerana mengambil kira pelbagai faktor dan perkara ini memerlukan kepada kajian lapangan yang lebih mendalam. Ini kerana, antara sebab berlakunya penularan HIV adalah disebabkan oleh hubungan sejenis, terutamanya hubungan seksual di antara pasangan lelaki. Selain itu, kebanyakan wanita yang dijangkiti HIV adalah disebabkan oleh pasangan mereka yang terlibat dengan aktiviti seks songsang diluar pengetahuan mereka. Perlakuan seks songsang yang melibatkan golongan LGBT



adalah disifatkan sebagai repetitif (berulang-ulang) dan kebanyakan mereka yang dijangkiti HIV adalah kaum lelaki (Berita Harian). Oleh itu, pemberian PrEP kepada golongan LGBT seperti yang dinyatakan situasinya di atas, dapat mencegah penularan jangkitan HIV di dalam masyarakat terutamanya terhadap mereka yang tidak bersalah seperti isteri dan bayi kepada lelaki yang mengamalkan seks songsang diluar pengetahuan ahli keluarga.

Berdasarkan kepada situasi kedua, iaitu menghalang pemberian ubat PrEP kepada golongan LGBT dengan tujuan untuk menghalang kemaksiatan daripada berleluasa. Perkara yang dikhuatiri oleh sesetengah pihak adalah penularan jangkitan virus HIV di dalam masyarakat. Ini kerana, secara realistiknya adalah mustahil untuk membanteras golongan ini secara mutlak dalam masa yang singkat. Tambahan pula, statistik yang dikeluarkan oleh KKM menunjukkan bahawa dalam tempoh sepuluh tahun kebelakangan ini, trend peningkatan jangkitan HIV dalam masyarakat semakin meningkat disebabkan amalan seks songsang oleh golongan LGBT (Global AIDS Monitoring Report, 2022). Peningkatan trend ini secara tidak langsung menunjukkan perbuatan maksiat dikalangan mereka juga semakin berleluasa. Ini jelas menunjukkan bahawa walaupun ketiadaan ubat PrEP pada ketika itu, golongan ini seperti tidak takut untuk melakukan seks songsang walaupun mereka terdedah kepada jangkitan HIV.

Berdasarkan kepada situasi yang dijelaskan di atas dan kaitannya dengan trend penularan jangkitan HIV, jelas menunjukkan bahawa ketiadaan ubat PrEP tidak menghalang golongan ini daripada terus melakukan maksiat. Oleh itu, menghalang pemberian ubat PrEP kepada golongan LGBT tidak menjamin amalan seks songsang di kalangan mereka akan berkurangan, tetapi akan menimbulkan risiko penularan penyakit ini di dalam masyarakat.

Hakikatnya, dalam kedua-dua keadaan di atas, sama ada membenarkan ubat PrEP untuk diakses oleh golongan LGBT ataupun tidak, kedua-dua situasi ini tetap akan mendatangkan mafsadah sama ada dari segi maksiat atau jangkitan HIV yang semakin berleluasa di dalam masyarakat. Oleh itu, antara kedua-dua mafsadah yang dinyatakan di atas, perlu dipertimbangkan untuk menolak salah satu mafsadah yang dianggap berat.

Pemberian PrEP kepada golongan LGBT akan menyebabkan berleluasanya maksiat yang sedang berlaku, manakala menghalang pemberian PrEP kepada golongan LGBT akan menyebabkan penularan jangkitan HIV di dalam masyarakat. Tambahan pula, berdasarkan kepada trend penularan jangkitan HIV di kalangan golongan ini, mereka seperti tidak takut dijangkiti virus HIV. Pemberian PrEP kepada golongan LGBT secara pastinya dapat menghalang penularan jangkitan HIV, namun tidak dapat menghalang daripada berleluasanya perbuatan maksiat. Menghalang pemberian PrEP kepada golongan LGBT tidak menjamin pengurangan maksiat dikalangan mereka tetapi akan menyebabkan penularan jangkitan virus HIV.



Berdasarkan kepada situasi yang dinyatakan di atas, pengkaji berpendapat bahawa dalam isu pemberian ubat PrEP kepada golongan LGBT, pihak kerajaan dengan kerjasama jawatankuasa fatwa di Malaysia hendaklah mengambil kira faktor kemampuan pihak yang berautoriti untuk membanteras secara total perbuatan maksiat yang dilakukan oleh golongan tersebut. Secara realistiknya, dalam keadaan masyarakat yang berada dalam sistem sosial yang buruk, perbuatan maksiat yang dilakukan oleh golongan ini tidak dapat dibanteras dalam masa yang singkat. Pendekatan holistik dan efisien yang melibatkan pelbagai pihak yang berkenaan perlu dirangka dengan teliti berserta perancangan yang bersifat jangka masa panjang diperlukan untuk menangani masalah sosial di kalangan golongan LGBT dan juga masalah penularan jangkitan HIV di dalam masyarakat. Hakikatnya usaha menangani masalah golongan LGBT akan mengambil masa yang panjang dan langkah-langkah untuk menangani masalah transmisi virus HIV disebabkan oleh golongan ini harus dilaksanakan.

Selain itu, pengkaji mencadangkan agar satu penelitian yang mendalam mengenai masalah dan mafsadah pemberian ubat PrEP kepada golongan LGBT yang tidak terlibat sebagai pekerja seks di dalam industri seks seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Pertimbangan mafsadah yang akan timbul disebabkan perbuatan maksiat oleh golongan ini yang tidak dapat dibendung dalam masa yang singkat, perlu dilakukan untuk menjaga kemaslahatan masyarakat terutamanya ahli keluarga pengamal LGBT yang mungkin dapat diselamatkan daripada dijangkiti virus HIV sekiranya ubat PrEP diberikan.

Situasi yang dinyatakan di atas perlu diambil perhatian dan pertimbangan mereka yang berautoriti sebelum mengeluarkan satu hukum yang mutlak mengenai pemberian ubat PrEP kepada golongan LGBT secara umumnya. Hal ini kerana, situasi mereka yang mempunyai kecenderungan terhadap jantina adalah berbeza dengan situasi mereka yang terlibat secara aktif dalam industri seks. Dalam situasi mereka yang jelas terlibat dalam industri seks seperti golongan mak nyah yang menjadi pekerja seks, maka pemberian ubat PrEP perlu dihalang kerana terdapat sangkaan yang kuat bahawa mereka akan memanfaatkan ubat tersebut dan menyebabkan berleluasanya maksiat.

KEWAJIPAN KERAJAAN DALAM MENANGANI GOLONGAN LGBT

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, jelaslah bahawa pemberian ubat PrEP kepada golongan LGBT adalah merupakan usaha kerajaan untuk mencegah penyakit berjangkit di dalam masyarakat. Namun begitu, tidak bermakna kerajaan tidak perlu berusaha dalam menangani masalah sosial disebabkan oleh golongan LGBT. Terdapat beberapa cadangan mengenai langkah menangani golongan LGBT, antaranya, (i) pendidikan, (ii) penyampaian dakwah, (iii) sebaran melalui media massa dan (iv) perlaksanaan undang-undang terhadap golongan ini. Pemberian ubat PrEP tanpa disertakan dengan usaha untuk menangani kewujudan kelompok ini hakikatnya boleh membawa kepada kemungkaran.



Dalam usaha mencegah kewujudan golongan LGBT di dalam masyarakat, perkara yang paling penting adalah memberi pendidikan kepada masyarakat dan seharusnya bermula daripada pendidikan rendah dan seterusnya ke peringkat menengah. Silibus pembelajaran di sekolah juga boleh ditambahbaik dengan memberi pendedahan terhadap isu yang berkaitan dengan golongan LGBT agar pelajar mendapat kesedaran awal mengenai bahaya perbuatan yang dilakukan oleh golongan ini terutamanya terhadap kesihatan. Institusi pendidikan tinggi juga memainkan peranan yang penting dalam menangani masalah ini dengan memastikan tiada unsur-unsur yang melibatkan golongan LGBT berjaya menembusi sesebuah institusi pengajian.

Selain itu, usaha mendidik ini tidak seharusnya tertumpu kepada masyarakat semata-mata, bahkan ianya harus berfokus kepada golongan LGBT tersebut. Ketika mengendalikan projek pemberian ubat PrEP kepada individu LGBT, dicadangkan agar pegawai yang bertugas yang terdiri daripada pakar perubatan dan juga agamawan pada ketika itu memberi kaunseling tentang bahaya berterusan dalam amalan seks songsang selain diselitkan juga usaha dakwah kepada golongan ini dengan mengajak mereka bertaubat dari melakukan maksiat yang dimurkai Allah.

Memandangkan Islam merupakan agama rasmi negara Malaysia, dan majoriti penduduknya adalah beragama Islam, maka kerajaan seharusnya memanfaatkan alim ulama, para *asatizah*, pendakwah dan pegawai agama untuk bersama menyebarkan syiar Islam, khususnya dalam menerangkan bahawa hakikatnya golongan LGBT bukan sahaja telah melanggar undang-undang syariah di Malaysia, malah ianya juga bertentangan fitrah semula jadi manusia.

Dalam menyampaikan dakwah mengenai kemungkaran yang dilakukan oleh golongan ini, selain daripada peringatan yang keras mengenai bahaya perbuatan golongan LGBT bukan sahaja kepada masyarakat, malah kepada diri mereka sendiri, para pendakwah juga hendaklah mengajak golongan ini agar kembali ke pangkal jalan, dan menekankan tentang sifat Allah yang Maha Pengasih dan menerima taubat hamba-hambanya.

Begitu juga, kerajaan harus memanfaatkan media massa dengan baik kerana pada zaman ini pengaruh media massa adalah besar kepada rakyat. Oleh itu kerajaan haruslah mengawal media, dengan meningkatkan kandungan yang memberi kesedaran kepada rakyat tentang bahaya terjebak dengan golongan LGBT. Kerajaan juga hendaklah mengharamkan segala bentuk hiburan dan apa sahaja elemen yang boleh mempromosi atau menggalakkan golongan LGBT di media.

Sebagai langkah terakhir dalam usaha memerangi kelompok LGBT, kerajaan haruslah melaksanakan undang-undang yang bertujuan untuk mencegah golongan LGBT daripada melakukan hubungan songsang sesama mereka, ataupun apa-apa sahaja perbuatan yang melanggar norma masyarakat dengan menjadikan perbuatan tersebut tertakluk di bawah perbuatan jenayah dan boleh dikenakan hukuman penjara dan sebagainya. Hanya dengan undang-undang akan menimbulkan



ketakutan kepada masyarakat dan seterusnya dapat mencegah daripada perkembangan golongan ini di Malaysia.

KESIMPULAN

Sebelum membuat kesimpulan bagi penulisan ini, ingin ditegaskan bahawa penulisan artikel ini tidaklah bertujuan untuk mengeluarkan hukum mengenai pemberian ubat PrEP kepada golongan LGBT. Malah, penulisan ini adalah bertujuan sebagai salah satu bentuk sumbangan kepada ilmu dalam proses pengeluaran hukum pemberian ubat ini kepada golongan LGBT secara umum dan secara khususnya kepada mereka yang tidak terlibat dalam industri seks di Malaysia. Pengkaji berpendapat bahawa dalam mengeluarkan hukum berkenaan dengan isu ini, pelbagai aspek perlu diteliti di samping mengambilkira situasi dan keadaan masyarakat sekarang yang berada dalam sistem sosial yang buruk, di mana kebanyakan penyakit yang timbul adalah disebabkan oleh masalah sosial yang sukar dibendung bagi memastikan mafsadah yang akan berlaku dapat dielakkan sebaiknya.

Di akhir kajian ini, dapat disimpulkan bahawa ubat *Pre-exposure Prophylaxis* adalah sejenis ubat yang dapat membantu dalam pencegahan penularan virus HIV. Dalam isu pemberian ubat *Pre-Exposure Prophylaxis* kepada golongan LGBT, terdapat dua keadaan dan kategori yang perlu dipertimbangkan oleh pihak kerajaan dengan kerjasama oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri di Malaysia. Pertama, pemberian ubat PrEP kepada mereka yang terlibat aktif di dalam industri seks sebagai pekerja seks terutamanya golongan *transgender* seperti golongan mak nyah adalah haram kerana diyakini bahawa ubat tersebut akan menyebabkan kegiatan mereka semakin aktif dan menyebabkan berleluasanya maksiat. Kedua, bagi situasi pemberian ubat PrEP kepada mereka yang tidak terlibat secara aktif sebagai pekerja seks, namun terlibat dengan perlakuan seks songsang seperti golongan *gay*, *lesbian* dan biseksual, perkara ini harus diteliti sebaiknya oleh mereka yang berautoriti dengan mempertimbangkan segala mafsadah yang berkemungkinan berlaku, terutamanya kepada ahli keluarga yang tidak mengetahui perbuatan keji golongan tersebut.

Dalam menangani masalah sosial yang melibatkan golongan LGBT, kerajaan juga haruslah memainkan peranan yang penting, antaranya seperti; (i) memperkasakan pendidikan, (ii) menggiatkan usaha penyampaian dakwah Islam, (iii) memanfaatkan media dan (iv) pemerkasaan undang-undang terhadap golongan LGBT. Dengan usaha-usaha yang dilaksanakan ini, diharapkan agar Malaysia dapat mencapai seruan Malaysia Madani melalui pemerkasaan masyarakat menjadi masyarakat madani.

PENGHARGAAN

Penulis tidak menerima sebarang dana bagi penyelidikan, penulisan dan penerbitan artikel ini.



RUJUKAN

- 'Alā' al-Dīn Abū Bakr al-Kasāniy. (1328H). *Badāi' al-Sanāi' fī Tartīb al-Sharāi'*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- 'Alā' al-Dīn Abū al-Hasan al-Mardāwiyy. (1421H/2000). *Al-Tahbīr Sharh al-Tahrīr fī Usūl al-Fiqh*. Tahqiq: 'Abd al-Rahmān al-Jabrayn, 'Iwad al-Qarniy, and Ahmad al-Sarāh. 5:295. Riyād: Maktabah al-Rushd.
- Al Burhani, Muhammad Hisyam. (1985). *Sadd al Dzari'ah fi Al Syari'ah Al Islamiyyah*. Damaskus: Dar-I- Fikr.
- Adib Povera. (2020, Mac 27). *RM250 billion Stimulus Package Announced*. New Straits Times. <https://www.nst.com.my/news/nation/2020/03/578692/rm250-billion-stimulus-package-announced>
- Ain Umaira Md Shah et. al. (2020). COVID-19 Outbreak in Malaysia: Action Taken by The Malaysian Government. *International Journal of Infectious Diseases*, 108-116.
- Al-Izz ibn Abd al-Salam, Abu Muhammad Izz al-Din Abd al-Aziz ibn Abd al-Salam Ibn Abi al-Qasim al-Hasan al-Salmi al-Dimashq. (1441H/1991). *Qawaid al-Ahkam fi Masalih al-Anam*. Tahqiq: Taha Abd al-Rauf Saad. Juz. 2, hlm. 33. Al-Qaherah: Maktabat al-Kulliyat al-Azhariyyah.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (1417H/1996). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Juz. 2. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Azwa, I., Mimi, O., Tan, S. S., Wong, Y. L., Firdaus, M., & Sivasampu, S. (2018). Knowledge, attitudes and practices of men who have sex with men (MSM) towards pre-exposure prophylaxis (PrEP) in Kuala Lumpur, Malaysia. *Journal of public health research*, 7(2), 1357.
- Baeten, J. M., Donnell, D., Ndase, P., Mugo, N. R., Campbell, J. D., Wangisi, J., Tappero, J. W., Bukusi, E.A., Cohen, C. R., Katabira E., Roland, A., Tumwesigye, E., Were, E., Fife, K. H., Kiarie, J., Farquhar, C., John-Stewart, G., Kakia, A., Odoyo, J., ... & Celum, C. (2012). Antiretroviral prophylaxis for HIV prevention in heterosexual men and women. *New England Journal of Medicine*, 367(5), 399-410.
- Calabrese, S. K., Magnus, M., Mayer, K. H., Krakower, D. S., Eldahan, A. I., Gaston Hawkins, L. A., Hansen, N. B., Kershaw, T. S., Underhill, K., Betancourt, J. R. & Dovidio, J. F. (2015). Putting PrEP into practice: lessons learned from early adopting US providers' firsthand experiences providing HIV pre-exposure prophylaxis and associated care. *PloS One*, 2016 Jun 15;11(6): e0157324. doi: 10.1371/journal.pone.0157324. PMID: 27304883; PMCID: PMC4909282.
- Centers for Disease Control and Prevention. (2019). HIV and Gay and Bisexual Men. <https://www.cdc.gov/hiv/group/msm/index.html>



- Centers for Disease Control and Prevention. (2022). HIV/AIDS. <https://www.cdc.gov/hiv/default.html>
- Chin, L. K., Low, W. Y., Chua, C. B., Tan, H. M., Loh, L. C., & Wong, Y. L. (2018). PrEParing Malaysia for HIV pre-exposure prophylaxis: challenges and opportunities. *AIDS and Behavior*, 22(11), 3699-3705.
- Choopanya, K., Martin, M., Suntharasamai, P., Sangkum, U., Mock, P. A., Leethochawalit, M., Chiamwongpaet, S., Kitisin, P., Natrujirote, P., Kittimunkong, S., Chuachoowong, R., Gvetadze, R. J., McNicholl, J.M., Paxton, L.A., Curlin, M. E., Hendrix, C. W. & Vanichseni, S. (2013). Antiretroviral prophylaxis for HIV infection in injecting drug users in Bangkok, Thailand (the Bangkok Tenofovir Study): a randomised, double-blind, placebo-controlled phase 3 trial. *Lancet*. 2013 Jun 15;381(9883):2083-90. doi: 10.1016/S0140-6736(13)61127-7. Epub 2013 Jun 13. PMID: 23769234.
- Courtenay-Quirk, C., Wolitski, R. J., Hoff, C., & Parsons, J. T. (2003). Intersecting epidemics of substance use, violence, and HIV risk among sexual minority men. *Journal of Homosexuality*, 45(2-4), 161-176. https://doi.org/10.1300/J082v45n02_09
- Fadzilah Abdullah & Noremy Md Akhir. (2019). LGBT dalam Kalangan Mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Jurnal Wacana Sarjana*, Volume 3(4) December 2019.
- Grant, R. M., Lama, J. R., Anderson, P. L., McMahan, V., Liu, A. Y., Vargas, L. & Glidden, D. V. (2010). Preexposure chemoprophylaxis for HIV prevention in men who have sex with men. *New England Journal of Medicine*, 363(27), 2587-2599.
- Ibn Nujaym & Zayn al-Dīn ibn Ibrāhīm al-Miṣrī. 1999. *al-Ashbāh wa al-Nazā'ir*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Joint United Nations Programme on HIV/AIDS (UNAIDS). (2021). Malaysia. Retrieved from <https://www.unaids.org/en/regionscountries/countries/malaysia>
- Liu, A. Y., Cohen, S. E., Vittinghoff, E., Anderson, P. L., Doblecki-Lewis, S., Bacon, O., Chege, W., Postle, B. S., Matheson, T., Amico, K. R., Liegler, T., Rawlings, M. K., Trainor, N., Blue, R. W., Estrada, Y., Coleman, M. E., Cardenas, G., Feaster, D. J., Grant, R., Philip, S. S., Elion, R., Buchbinder, S. & Kolber, M. A. (2016). Preexposure Prophylaxis for HIV Infection Integrated with Municipal- and Community-Based Sexual Health Services. *JAMA Intern Med*. 2016 Jan;176(1):75-84. doi: 10.1001/jamainternmed.2015.4683. PMID: 26571482; PMCID: PMC5042323.
- Malaysian AIDS Council. (n.d.). MAC - Malaysian AIDS Council. <https://mac.org.my/v4/auto-draft/>



- Ministry of Health Malaysia. (2018). National Strategic Plan for Ending AIDS in 2030. http://aidsdatahub.org/sites/default/files/publication/Malaysia_National_Strategic_Plan_for_Ending_AIDS_in_2030.pdf
- Ministry of Health Malaysia. (2021). *Global AIDS monitoring 2021: Malaysia HIV/AIDS progress report*. Ministry of Health Malaysia. https://www.moh.gov.my/moh/resources/Penerbitan/Laporan/Umum/20211130_MYS_country_report_2021.pdf
- Ministry of Health Malaysia. (2022). *Global AIDS monitoring 2022: Malaysia HIV/AIDS progress report*. Ministry of Health Malaysia. https://www.moh.gov.my/moh/resources/Penerbitan/Laporan/Umum/MYS_country_report_2021.pdf
- Mashrom Muda & Rahimah Abdul Aziz. (2015). Wanita dan HIV/AIDS di Malaysia: punca jangkitan dari aspek sosiobudaya. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 11 (1). pp. 73-86. ISSN 2180-2491.
- Muhammad Hishām al-Burhāniy. (1995). *Sadd al-Dharāi' fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*. 80. Beirut: Dār al-Fikr.
- National LGBT Health Education Center. (n.d.). HIV and LGBT Health. <https://www.lgbthealtheducation.org/wp-content/uploads/HIV-and-LGBT-Health.pdf>
- Norhawaney Yahaya. (2018) *Fenomena homoseksual dalam kalangan gay belia Melayu di Lembah Klang, Malaysia*. Doctoral thesis, Universiti Putra Malaysia. Nurul Huda Hussain & Nur Iftitah Rozlan. (2023, Mac 2). *Penggunaan ubat PrEP, kerajaan jimat RM47 juta*. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/247771/berita/nasional/penggunaan-ubat-prep-kerajaan-jimat-rm47-juta>
- Tan, J. Y., Lim, S. H., Lee, C. K., & Vizor, G. (2018). Factors contributing to the HIV epidemic among men who have sex with men in Malaysia: A qualitative study. *PLoS One*, 13(3), e0194302. doi: 10.1371/journal.pone.0194302
- UNAIDS. (2020). Global HIV & AIDS statistics — 2020 fact sheet. <https://www.unaids.org/en/resources/fact-sheet>.
- UNAIDS. (2020). Malaysia. <https://www.unaids.org/en/regionscountries/countries/malaysia>
- World Health Organization. (2020). Global HIV/AIDS statistics. <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/hiv-aids>